


Tengku Abdul Rahman Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahawa UMNO tidak akan bertolak ansur dalam tiga perkara: (1) Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, (2) Kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi (3) dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dalam negerinya. “Kenyataan yang tegas ini sudah tentulah disokong dan disambut oleh orang-orang Melayu tetapi, yang dibimbangkan orang: Apakah kelak rupa bangsanya? Kalau melihat kepada yang tiga itu tentulah orang-orang Melayu berpendapat bahawa rupa bangsanya tentulah bangsa Melayu. dan jika ini yang dituju maka sudah tentu isytihar Tengku itu disambut dengan lapang hati oleh sekalian orang.

* * *



“Saya ingin bertanya” begitulah salah satu majlis kursus yang diadakan di Kolej Islam Malaya bagi guru-guru agama dari seluruh Malaya.



Ahmad Murad, Kuala Kangsar bertanya: Bagaimana hukumnya atau keadaannya zakat fitrah yang dikeluarkan sesudah hari raya dan bagaimanakah pendapat tuan terhadap langkah kerajaan menghukum orang yang tidak mengeluarkan zakat sesudah lepas hari raya itu?

Jawab: Satu hadis berkenaan dengan zakat fitrah ada menyebutkan maksudnya lebih kurang begini:

Ibnu ‘Abbas berkata: Bahawa Rasulullah (SAW) telah memfardhukan zakat fitrah sebagai membersihkan bagi orang yang berpuasa daripada perbuatan yang tidak berguna dan percakapan-percakapan yang keji sebagai makanan bagi orang-orang miskin. Barangsiapa mengeluarkan sebelum sembahyang maka itulah zakat yang diterima; dan barangsiapa yang mengeluarkan sesudah sembahyang maka itulah satu daripada sedekah-sedekah biasa sahaja – hadis sahih riwayat Abu Daud, Ibnu Majah, Daraqutni dan al-Hakim.

Dengan ini dan beberapa keterangan lain lagi terang dan nyata bahawa zakat fitrah yang dikeluarkan sebelum sembahyang hari raya itu adalah zakat yang diterima sedang apa yang dikeluarkan sesudah sembahyang maka teranglah ia sebagai satu perkara yang sudah lewat dan dipandang sebagai sedekah jua.

Menjawab pertanyaan yang kedua maka dengan ini terang bahawa tuntutan sesuatu zakat fitrah yang dikeluarkan sesudah lepas masanya – umpamanya tuntutan itu dikeluarkan selepas hari raya oleh pejabat agama – maka dengannya menimbulkan satu pertanyaan apakah ada suatu syarat atau keterangan yang

ditentukan oleh pejabat itu bagi menghukum orang yang tidak mengeluarkan zakat fitrah sesudah lewat masanya itu bolehkah ia (pejabat agama) menghukum orang yang sudah lewat masa zakat fitrahnya itu yang dipandang sebagai sedekah? Soal-soal ini patut diperhati oleh pejabat agama tatkala mendatangkan hukum-hukum bila masa dua atau tiga bulan sesudah lewat masa fitrah itu dikeluarkan kerana Rasulullah (SAW) sendiri menurut perkataan Ibnu Abbas yang terbit oleh hadis sahih bahawa zakat fitrah itu tidak dipandang sebagai wajib apabila telah lewat masanya – ia dipandang sebagai sedekah jua. Kita berharap yang demikian ini akan diperhati oleh ulama supaya jangan melakukan kezaliman tatkala mendatangkan hukum-hukum yang tertentu yang mengenai orang ramai di dalam negeri Melayu ini. Berbuat adil dengan hukum-hukum dan berpandulah kepada al-Quran dan al-hadis supaya kita jangan terlingkung di dalam orang-orang yang menghukum dengan tidak mendatangkan keadilan.

* * *

445 Lans Koperal Abdullah Ja'far, R.H.F.

Polis, Singapura bertanya: Isteri saya telah mempunyai empat anak. Bila hamil ia selalu mengidap sakit lelah iaitu sempit nafas. Penyakit ini dihidap sejak dari kecilnya. Meskipun telah diusahakan berubat pada bomoh dan doktor tetapi tidak membawa faedah. Hanya satu jalan sahaja yang dapat mengurangkan penyakitnya iaitu supaya ia jangan beranak lagi dan bolehkah ia diberi ubat yang memungkinkkan perempuan tidak beranak lagi sebagaimana diiklankan di dalam banyak majalah-majalah?

Jawab: Tidak lama dahulu kita telah memberi kenyataan berkenaan *birth control* atau menjarangkan beranak di dalam ruangan ini. Di sana saudara akan dapati dengan tegas dan nyata jawapan yang mengenai kedudukan

isteri saudara. Agama Islam meluluskan jarangny beranak jika keadaan hamil mereka itu merosakkan dan mendatangkan bahaya kepada ibu yang mengandung itu. Untuk lebih jauh dalam pertimbangan ini, bagi menentukannya, semolek-moleknya saudara mendapat kenyataan daripada tabib yang mahir tentang kesejahteraan dan kesihatan isteri saudara. Jika telah nyata dengan terang bahawa keadaan isteri saudara merbahaya maka ikhtiarkanlah supaya digunakan ubat menjarangkan beranak dan seboleh-bolehnya janganlah dipotong tempat peranakannya sekali sebelum keadaan sangat merbahaya bagi isteri saudara.

* * *

Ahmad Afandi, Kuala Lipis bertanya: Di tempat saya ada seorang yang dikatakan menjadi wali Allah, nampaknya banyak orang mempercayainya setengahnya termasuklah orang-orang lebai di kampung itu, tetapi saya tidak percaya yang orang itu jadi wali Allah dengan sebab: pertama dia sendiri mengakui dirinya wali Allah, kedua: pergerakan serta pembawaan dirinya tidak layak bagi seorang wali, kerana ia kuat mengata-ngata orang tak mengerjakan suruhan, cakupnya membesar-besarkan diri, menceritakan kekuatan dan kehandalannya; naik ke rumah orang dengan tiada meminta kebenaran walaupun di masa itu hanya orang perempuan sahaja yang tinggal, suka menunjukkan ilmunya atau amalannya di tengah-tengah ramai dengan mengada-ada sahaja. Adakah sebenarnya orang itu jadi wali Allah? Dan bagaimana keadaan seorang yang akan mencapai martabat wali itu?

Jawab: Daripada ketengan saudara zahir bahawa lagak dan cara orang itu hanya semata-mata mencari fulus. Langkah-langkah yang serupa itu – langkah seorang mengaku dirinya wali Allah – tidak lain dan tidak bukan boleh kami katakan orang-orang yang menjual agama untuk maslahat dirinya. Kalau pun ada perkataan-perkataan wali Allah itu maka ialah orang yang menyaksikan tidak

ada Tuhan yang disembah selain daripada Allah, mengerjakan sembahyang, mengeluarkan zakat, puasa pada bulan Ramadan, menunaikan fardhu haji jika ia mampu, dan menjalankan atau mengusahakan amar makruf yakni berbuat baik dan menjauhkan kejahatan nahi mungkar. Menyeru orang kepada jalan Allah dan jauh sekali daripada melakukan kejahatan dan tiap kerja yang diusahakan olehnya tidak lain dan tidak bukan kerana Allah. Tidak berharap sesuatu, tidak berharap kemegahan dan tidak berharap kepujian.

Banyak orang menyangka bahawa wali Allah itu ialah membuat kelakuan-kelakuan dan perangai-perangai yang bersalahan tetapi kami berkeyakinan bahawa orang yang diredai Allah ialah yang menyeru kepada jalan Allah dan bahawa menggunakan kebijaksanaan dan hikmah supaya orang itu menerima Islam dengan sebaik-baiknya dan bekerja semata-mata kerana Allah, menghabiskan masanya, hartanya dan segala-galanya untuk Allah tidak untuk kemegahan – itulah orang yang mulia di sisi Allah. Sebab Allah memandang kelebihan seseorang itu bukan kepada diri dan kemegahannya, bukan kepada hikmat-hikmat yang berselaput di dalamnya riyak dan mungkar. Tetapi yang lebih di sisi Allah ialah takwa. Siapa yang lebih takwanya maka dengan sendirinya ia menjadi wali Allah dan wali itu tidak berperangai bukan-bukan dan yang diada-adakan.

* * *

Abdullah Basalamah, Headquarters, H.R.C.
Air Raja Road, Singapura, bertanya: Apa hukumnya seorang Islam membunuh diri?

Jawab: Seorang Islam itu ialah orang yang mempercayai bahawa tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad itu Pesuruh Allah. Ertinya ia mempercayai bahawa yang berkuasa atas dirinya ialah Allah dan ia adalah satu makhluk yang daif yang hidup di dunia sebagai di dalam perjalanan menuju ke dalam negeri yang kekal

aman dan bahagia. Di dalam perjalanan hidup itu maka sudah terang tiap-tiap manusia itu akan dicuba keimanannya dan keyakinannya kepada Allah. Siapa yang telah beriman dan tahan dicuba maka sudah tentu ia akan hidup di dunia berbahagia dan akan mendapat kebahagiaan pula di akhirat nanti – negeri yang kekal abadi yang tidak ada kusut masainya lagi.

Oleh sebab itu cara hidup sebagai seorang Islam apabila ia ditimpa kesusahan maka ia menyerahkan kesusahan itu kepada Allah dan tunduk kepada-Nya, diterimanya yang demikian itu dengan harapan bahawa Allah itu sangat Pemurah dan sangat Mengasihani – akan menjauhkan segala malapetaka yang menimpanya lalu memperbandingkan: apalah ertinya malapetaka yang sedikit itu jika dibandingkan dengan malapetaka (percubaan) yang telah didatangkan Tuhan kepada nabi-nabi yang membawa perintah Allah? Jadi kalau seorang sudah percaya kepada Tuhan yang Rahman dan Rahim itu maka putuslah harapan lalu tidak mempercayai kepada kudrat dan qadar daripada Tuhan lalu ia menghabisi jiwanya maka sudah terang orang yang semacam itu keluar daripada keyakinan Islam dan matinya sudah terang tidak lagi di dalam Islam. Terlepaslah daripadanya perkara-perkara yang mengenai keislaman dan sudah terang, daripada keterangan-keterangan yang nyata, bahawa balasan yang pedih akan diterima olehnya di akhirat nanti. Oleh sebab itu hendaklah diperhati oleh tiap-tiap seorang Islam bahawa ertinya hidup itu ialah di dalam perjalanan – dan dalam perjalanan itu adakalanya ditimpa ribut, ditimpa kepayahan. Dan di dalam perjalanan itu pula ada manusia yang leka dengan kesenangan lalu melupakan kepada nikmat yang diberi Tuhan. Oleh sebab itu bagi seorang Islam hidup yang utama ialah sederhana, bertawakkal dan berserah kepada Allah serta mengabdikan diri kepada Allah.

Sambungan dari muka 4

bahasa Melayu semakin hari semakin runtuh dan jauh sekali ketinggalan, atau peluang usaha-usaha Melayu tidak mendapat kemudahan, tidak disokong supaya kebolehan untuk menyelenggarakan penerbitan-penerbitan mereka bertambah maju dan sempurna.

Perkara yang kami sebutkan itu adalah perkara yang lampau iaitu perkara yang patut kita toleh sejenak supaya menjadi gambaran bagi kita melihat apakah yang patut kita jalankan atau ikhtiarkan bagi menghadapi masa hadapan. Kita akan menghadapi kemerdekaan dan insya-Allah kita akan tetap merdeka. Tetapi di dalam kemerdekaan itu kami berharap janganlah pula bahasa Melayu itu dijajah di dalam kemerdekaan sendiri yakni di dalamnya ada hidup semangat-semangat yang menguasai bahasa Melayu, menghalang kemajuannya atau seumpamanya. Janganlah nanti dalam kemerdekaan itu ada suatu badan, ada satu tubuh yang bekerja mengalirkan kemahuan yang pada zahirnya memajukan bahasa Melayu, tetapi batinnya melumpuhkan dan merosakkan cita-cita semangat bahasa Melayu yang diidamkan oleh rakyat jelata.

Oleh sebab itu kami penerbit-penerbit Melayu berharap di dalam cita-cita untuk menuju kepada perkembangan bahasa Melayu masa yang akan datang tidak kami ditinggalkan dan hendaklah diberi peluang untuk menyelenggarakan bersama perkembangan-perkembangan bahasa Melayu dengan diberi kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan sebagaimana yang pernah diberi oleh negara-negara yang baharu merdeka kepada perkembangan bahasa mereka. Janganlah pihak pertadbiran di dalam masa merdeka nanti membelakangkan kami sebagaimana sekarang ini padahal di dalam perkembangan-perkembangan menuju kemerdekaan pada masa yang akan datang telah banyak diberi bantuan kepada bahagian-bahagian yang lain sedang usaha penerbit-penerbit Melayu, nampaknya boleh kami katakan, tidak ada bantuan

kepada penerbit-penerbit Melayu. Kami penerbit-penerbit Melayu berkeyakinan bahawa menyelenggarakan perkembangan bahasa Melayu tidak akan bebas dan merdeka selagi ia tidak dilaksanakan oleh bangsa Melayu sendiri dengan penerbitan-penerbitan mereka sendiri. Itulah harapan kami dan itulah cita-cita kami dan itulah tujuan kami. Selain dari itu adalah menjadi harapan kami kepada saudara-saudara yang ada di dalam kongres yang mulai berjalan ini akan dapat menjadikan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu hak rakyat yang dipandu oleh rakyat dan untuk rakyat. Mudah-mudahan janganlah ada di dalamnya kelak aliran-aliran penjajahan. Kepada saudara-saudara yang berkongres saya bagi pihak Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu mengucapkan selamat berkongres sambil berdoa mudah-mudahan cita-cita rakyat jelata akan dapat tercapai. Akhirnya saya serukan "Hiduplah bahasa Melayu".

Sambungan dari muka 3

al-Quran al-Karim akan dicetak dan diterbitkan tidak lama lagi, dan setengahnya mengatakan bahawa kitab-kitab suci itu sudah pun diterbitkan. Hal yang sebenarnya pada masa ini, masih lagi menjadi satu pertanyaan. Tetapi nampaknya pihak-pihak yang berkuasa Soviet Rusia tidak akan dapat melarang terus usaha menerbitkan buku-buku sebagaimana yang diketahui bahawa kitab Injil karangan bahasa Rusianya yang baharu, akan diterbitkan tidak lama lagi. Meskipun demikian, pihak-pihak yang berkuasa Soviet Rusia akan sentiasa berjaga-jaga supaya Quran-quran tidak akan mudah diperoleh, terutamanya oleh orang-orang Islam angkatan baharu yang telah diasuh dan dihasut supaya membuang agama datuk nenek mereka itu. Menurut beritanya, al-Quran cetakan baharu itu adalah dalam bahasa Uzbek sahaja yang tidak akan dapat difahami oleh 15 juta orang-orang Muslim di Rusia. * * *